



KERETA PERSENDIRIAN KOMPREHENSIF **LEMBARAN MAKLUMAT WARANTI DAN PERKHIDMATAN TUNDA KEROSAKAN**

Sebagai sebahagian daripada Polisi Komprehensif Kereta Persendirian anda dengan Liberty General Insurance Berhad ("Kami"), kami juga menyediakan kepada anda perkhidmatan percuma yang disenaraikan di bawah:

1. Waranti tiga (3) tahun bagi mutu kerja pembaikan oleh panel bengkel pembaikan yang kami luluskan
2. Perkhidmatan bantuan kerosakan kereta dan perkhidmatan tunda (di dalam Malaysia sahaja)

Item 1: Waranti Tiga (3) Tahun bagi Mutu Kerja Pembaikan oleh Panel Bengkel Pembaikan yang Kami Luluskan

Jika kami bersetuju dan membayar untuk pembaikan kereta anda di bengkel membaiki kereta yang dilantik oleh kami sebagai panel bengkel pembaikan yang diluluskan untuk membuat tuntutan, maka kami akan memberikan waranti tiga (3) tahun untuk mutu kerja pembaikan dari tarikh siap pembaikan.

Walau bagaimanapun, kami tidak akan melindungi:

- pembaikan yang anda buat sendiri;
- pembaikan yang telah dibuat oleh mana-mana bengkel pembaikan bukan panel yang kami telah memberikan anda kebenaran khas untuk menggunakannya untuk membuat tuntutan;
- pembaikan yang anda atur selepas kami membayar anda kos munasabah bagi pembaikan kereta anda, iaitu selepas kami menyelesaikan tuntutan anda dengan tunai;
- kerugian atau kerosakan atau kegagalan sebarang perkakas atau mesin elektrikal atau mekanikal, kecuali jika ia disebabkan oleh mutu kerja pembaikan di mana ianya akan disahkan oleh ajuster;
- waranti ke atas alat yang digantikan atau digunakan untuk membaiki kereta anda;
- kemerosotan atau kehausan dan kelusuhan yang disebabkan oleh:
 - peredaran masa;
 - penggunaan kereta anda;
 - pendedahan kereta anda kepada unsur alam seperti hujan atau matahari.

Mutu kerja merujuk kepada kemahiran dan pengetahuan yang digunakan untuk membaiki kerosakan dan menggambarkan kualiti dan kebolehpembaikan. Kos alat-alat adalah dikecualikan.

Item 2: Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kereta dan Perkhidmatan Tunda (Di Dalam Malaysia Sahaja)

Kami akan memberikan bantuan pembaikan kecil tepi jalan termasuk tetapi tidak terhad kepada "jump start" bateri, bantuan membeli dan memasang bateri dan/atau mengisi bahan api ketika berlaku kerosakan kereta anda, di mana kereta anda tidak dapat bergerak akibat tayar pancit, bateri kehabisan cas, kehabisan bahan api, kegagalan mekanikal dan/atau elektrik, dan memerlukan perkhidmatan bantuan pembaikan kecil tepi jalan. Apabila berlaku kerosakan, anda dan/atau pemandu dibenarkan anda mesti membuat panggilan ke talian bebas tol 24 jam bernombor 1 800 88 6333 untuk mendapatkan khidmat bantuan yang diperlukan. Apabila menerima panggilan, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami akan mengaturkan seorang mekanik ke lokasi di mana kereta anda berlaku kerosakan atau mengalami kerosakan kecil untuk memberikan bantuan pembaikan kecil tepi jalan.

Kos alat ganti, tukang kunci, bateri atau petrol yang diperlukan semasa pelaksanaan pembaikan kecil tepi jalan di lokasi kerosakan atau bengkel penyedia perkhidmatan yang dilantik hendaklah dirundingkan dan dipersetujui antara anda dan/atau pemandu dibenarkan anda dan pembekal perkhidmatan. Kos-kos ini adalah di atas tanggungjawab anda dan/atau pemandu dibenarkan anda.

Sekiranya bantuan pembaikan kecil tepi jalan tidak sesuai untuk menggerakkan kereta anda, kami akan mengaturkan tunda ke bengkel servis terdekat atau ke destinasi yang ditentukan oleh anda dan/atau pemandu dibenarkan anda dan dipersetujui oleh kami sehingga 50km (Semenanjung Malaysia) / 30km (Sabah/Sarawak) untuk setiap perjalanan ulang-alik. Sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan daripada mana-mana pihak berkuasa (jika ada) adalah tidak ditanggung.

Manfaat ini tidak melindungi:

- untuk tujuan melupakan atau menunda kereta anda dari satu bengkel pembaikan ke bengkel pembaikan yang lain;
- sebarang kos tambahan yang ditanggung oleh anda atau pemandu dibenarkan anda berdasarkan kadar pasaran semasa untuk perjalanan tunda yang melebihi had jarak perbatuan seperti yang dinyatakan di atas;
- perkhidmatan di luar had kawasan yang dinyatakan;
- kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan;
- petrol, caj tol, bayaran letak kereta, caj penginapan dan telefon melainkan dinyatakan secara khusus;
- perkhidmatan tunda untuk kereta anda selepas ia dihantar untuk kerja mengecat;
- bantuan tunda atau kerosakan akibat kejadian bencana alam atau malapetaka semula jadi seperti gempa bumi, banjir, taufan dan ribut angin. Perkhidmatan kerosakan akan disediakan sebaik sahaja kejadian tersebut mereda di mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami dapat menghantar bantuan ke lokasi kereta anda;
- kereta anda terlibat dalam atau menyertai sebarang bentuk sukan permotoran (termasuk memandu di litar lumba atau bersaing dalam rali jalan atau luar jalan);
- kejadian disebabkan oleh mogok, rusuhan atau kekecohan awam di mana anda atau pemandu dibenarkan anda menyertai secara sengaja;
- sebarang perbuatan haram atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh anda atau pemandu dibenarkan anda atau semasa menggunakan kereta anda untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang;
- perkhidmatan menunda atau membaiki kenderaan komersial seperti tetapi tidak terhad kepada lori, trak, gerabak, teksi dan lain-lain. Kami berhak untuk tidak memberikan bantuan dan tunda kepada kenderaan tersebut;
- apabila kereta anda berada di kawasan terpencil atau jalan yang tidak diwartakan sebagai jalan raya contohnya estet, ladang, hutan, tempat letak kereta bawah tanah, tempat letak kereta di atas bumbung dan di permukaan jalan tidak berturap;
- apabila kereta anda masih boleh dipandu dan tidak menimbulkan sebarang risiko semasa memandu dari segi undang-undang;
- apabila anda atau pemandu dibenarkan anda meminta untuk mendapatkan perkhidmatan tunda kali kedua untuk kejadian yang sama;

- jika kereta anda memerlukan peralatan khas dan/atau teknik khusus semasa proses pemulihan atau tunda seperti penggunaan kren, boom, win dan lain-lain;
- sebarang permintaan tunda disebabkan oleh penarikan balik pengeluaran kenderaan melainkan terdapat kejadian yang dilindungi bawah polisi anda;
- sebarang kos terbangkit yang dikenakan semasa proses pemulihan atau tunda.

Perjalanan ulang-alik bermaksud perjalanan kereta tunda dari lokasi permulaannya ke tempat kejadian, kemudian penundaan kereta anda ke bengkel pembaikan yang diluluskan mengikut permintaan anda atau pemandu dibenarkan anda atau ke tempat simpanan yang selamat, kemudian perjalanan balik kereta tunda itu ke lokasi permulaannya.